

MAHATHIR

1977

KOTA BHARU, 3 JUN (BERNAMA) - AGENSI-AGENCI KERAJAAN AKAN MENGAJI SEMULA PERANAN MASING-MASING DALAM USAHA MENGELAKKAN BERLAKUNYA KEJADIAN BERGANDA DALAM MELAKSANAKAN PROJEK-PROJEK.

- TIMBALAN PERDANA MENTERI, DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA INI BERTUJUAN MEMUJUDKAN KECEKAPAN DAN PENGAWASAN YANG RAPI AGAR KEJADIAN BERGANDA TIDAK LAGI MENJADI HALANGAN KEPADA AGENSI-AGENCI TERSEBUT MELAKSANAKAN PROJEK-PROJEK PEMBANGUNAN.

KATANYA, SETENGAH-SETENGAH AGENSI KERAJAAN MEMPUNYAI TERLALU BANYAK ANAK SYARIKAT HINGGA MENGAKIBATKAN KURANG PENGAWASAN DAN KECEKAPAN.

BELIAU BERKATA DEMIKIAN KEPADA PARA PEMBERITA SELEPAS MERASMIKAN MESYUARAT AGUNG KETIGA DEWAN PERNIAGAAN DAN PERUSAHAAN MELAYU MALAYSIA CAWANGAN KELANTAN DI SINI HARI INI.

MENYENTUH PERANAN PARA PENIAGA BUMIPUTERA DI NEGARA INI, DR. MAHATHIR BERKATA MEREKA PERLU MENGETAHUI SELOK-BELOK PERNIAGAAN SECARA MENDALAM. - BERSAMBUNG 1953/BW

MAHATHIR 2 KOTA BHARU

BELIAU MENEGASKAN MEREKA JUGA MESTI MENYEDARI KESALAHAN DIRI SENDIRI SEKIRANYA BERLAKU KEGAGALAN TANPA MENYALAHKAN ORANG LAIN KERANA IA MEMBUKTIKAN KURANGNYA KECEKAPAN DAN PENGAWASAN SESEORANG ITU TERHADAP PERNIAGANNYA.

KERAJAAN, TAMBAH BELIAU, TELAH BERUSAHA SEDAYA UPAYA DAN MENGADAKAN BERBAGAI PERTOLONGAN UNTUK MEMAJUKAN PARA PENIAGA BUMIPUTRA TETAPI MASIH TERDAPAT BANYAK KEGAGALAN.

MENYEDARI HAKIKAT INI KERAJAAN SEDANG MENGAJI CARA-CARA YANG BERKESAN UNTUK MEMBIMBING PENIAGA-PENIAGA BUMIPUTERA DALAM BIDANG PERNIAGAAN, JELASNYA.

DEWAN-DEWAN PERNIAGAAN MELAYU AKAN DIMINTA BERKERJASAMA MENGEMUKAKAN PENIAGA-PENIAGA YANG TELAH BERJAYA DAN BERPENGALAMAN LUAS BAGI MEMBIMBING RAKAN MEREKA. - BERSAMBUNG 1955/BW

MAHATHIR 3 KOTA BHARU

DR. MAHATHIR MEMBERITAHU PADA MASA AKAN DATANG KERAJAAN AKAN MENUMPUKAN CARA-CARA YANG LEBIH BERKESAN UNTUK MELATIH BUMIPUTRA DALAM BIDANG PERNIAGAAN.

BELIAU BERKATA LATIHAN MERUPAKAN MASAALAH YANG BESAR DI KALANGAN PENIAGA-PENIAGA BUMIPUTERA KERANA ORANG-ORANG YANG HENDAK MELATIH JUGA KURANG PENGALAMAN.

BELIAU JUGA MENGUMUMKAN KERAJAAN TELAH MENAMBAH MODAL BANK PEMBANGUNAN MALAYSIA DARI \$1.5 JUTA KEPADA \$20 JUTA BAGI MEMBOLEHKANNYA MEMBANTU PARA PENGUSAHA DAN PENIAGA BUMIPUTERA. - BERNAMA 2001

127